

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	13/9/2011

Dr Mahathir Canselor pertama Universiti Perdana

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dilantik sebagai Canselor pertama Universiti Perdana, institusi pengajian tinggi yang dibangunkan menerusi projek kerjasama awam swasta, diusahakan oleh Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) dan Academic Medical Centre Sdn Bhd (AMC).

Pelantikan Dr Mahathir itu dibuat pada majlis pelancaran universiti yang dirancang menjadi hub pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan kesihatan, disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Bangunan MAEPS, Kompleks MARDI, Serdang, semalam.

Ketika ini Universiti Perdana memiliki Sekolah Perubatan Graduan Universiti Perdana (PUGSOM) dan Sekolah Perubatan Universiti Perdana-Royal College of Surgeons in Ireland (PU-RSCI) yang masing-masing menawarkan kursus pengajian empat dan lima tahun.

Dr Mahathir berharap kerjasama dengan dua universiti terkemuka dunia itu akan mempercepatkan perkembangan Universiti Perdana



NAJIB menyaksikan penyerahan surat pelantikan sebagai Canselor Universiti Perdana kepada Dr Mahathir oleh Pengerusi Lembaga Pengelola Universiti Perdana, Tan Sri Dr Mohan Swami di Serdang, semalam.

sebagai hub pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan kesihatan.

Malah, katanya dengan kerjasama itu, sesebuah universiti akan diiktiraf oleh pihak lain dan ber-

jaya menarik pelajar untuk mengikuti pengajian dalam bidang yang ditawarkan.

Katanya, penubuhan universiti itu juga selaras dengan matlamat

kerajaan untuk mengurangkan aliran keluar pakar selain menjimatkan kos pengajian jika penuntut belajar di Amerika Syarikat atau Ireland.